



NOTIS MAKLUMAN

PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KAUNTER PUSAT LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) DALAM FASA PERTAMA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DAN PENGGUNAAN KAEDAH JANJI TEMU KAUNTER PUSAT LPPSA SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)

Kenyataan Media oleh Ketua Setiausaha Negara pada 29 Jun 2021 mengenai pembukaan secara fizikal Kaunter Perkhidmatan Kerajaan di seluruh Negara dengan tatacara pengoperasian yang telah ditetapkan iaitu perkhidmatan tidak boleh dilaksanakan secara dalam talian, kapasiti petugas kaunter tidak melebihi 50 peratus dan kehadiran secara fizikal hanya melalui janji temu secara berjadual. **Sehubungan itu, bermula Khamis, 1 Julai 2021, Kaunter Pusat LPPSA akan beroperasi seperti berikut:**

	Waktu Operasi
Perkhidmatan di Kaunter Pusat	Isnin hingga Jumaat 8.30 Pagi – 3.00 Petang (Buka) Sabtu dan Ahad : (Tutup) Cuti Umum : (Tutup)

Walau bagaimanapun, **perkhidmatan menerusi atas talian (online) masih boleh diakses seperti biasa. Semua pelanggan dinasihatkan agar menggunakan medium komunikasi rasmi LPPSA yang telah disediakan iaitu:**

- a) Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA eTiket di <https://etiket.lppsa.gov.my/>;
- b) Membuat semakan sendiri melalui LPPSA MY FINANCING (Mobile App) Panduan Pengguna boleh dirujuk di Laman Sesawang Rasmi LPPSA <http://www.lppsa.gov.my/en/media/aplikasi-mudah-alih/>; atau
- c) Semakan melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA di <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>.

Demi menjaga kesihatan dan kesejahteraan bersama serta memastikan kelancaran urusan para pelanggan, **Kaunter Pusat LPPSA hanya akan menerima dan melayani pelanggan yang telah membuat janji temu sahaja. Janji temu boleh dibuat secara atas talian (online) sebelum hadir ke Kaunter Pusat LPPSA melalui pautan berikut: <https://etiket.lppsa.gov.my/?action=appointment>.**

LPPSA akan mengambil inisiatif untuk melakukan penjaraan sosial di dalam segala aspek operasi di premis kami. Oleh yang demikian, jumlah pelanggan bagi setiap masa yang dibenarkan berurusan di Kaunter Pusat akan dihadkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN). Para pelanggan juga dikehendaki untuk mematuhi SOP semasa berurusan di Kaunter Pusat LPPSA sebagai langkah untuk mencegah penularan wabak COVID-19.

Urusan janji temu pelanggan ke Kaunter Pusat LPPSA hanya disarankan untuk urusan hal-hal penting yang memerlukan konsultasi, di mana maklumat tidak dapat ditemui di laman sesawang LPPSA atau melalui medium komunikasi LPPSA yang telah disebutkan di atas. **Tidak dibenarkan sebarang urusan pengutipan dokumen dan bagi urusan pembayaran perlu dibuat secara atas talian (*online*).**

Bagi penghantaran dokumen, pelanggan boleh terus berurusan di Kaunter Drop Box dan perlu membuat pendaftaran secara atas talian (*online*) terlebih dahulu melalui pautan berikut sebelum hadir menghantar dokumen tersebut ke Kaunter Pusat LPPSA: <https://apps.lppsa.gov.my/document/>.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh dikemukakan melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>. Maklumat terkini mengenai operasi LPPSA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi LPPSA, www.lppsa.gov.my dan Facebook Page LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA).

29 JUN 2021